

25 FEB 1996

ASEM

PEMIMPIN EROPAH AKAN ELAKKAN ISU-ISU SENSITIF DI ASEM

KUALA LUMPUR, 25 Feb (Bernama) -- Pemimpin-pemimpin Eropah mungkin tidak akan membangkitkan isu-isu yang dianggap "sensitif" kepada rakan sejawat mereka di Asia apabila kedua-dua pihak bersemuka buat pertama kali pada Sidang Kemuncak Asia-Eropah (ASEM) di Bangkok pada 1 dan 2 Mac ini.

Satu sumber Kementerian Luar Malaysia berkata hari ini pegawai-pegawai kanan Eropah yang berjumpa dengan rakan mereka dari Asia di Rome pada 8 Feb lepas bagi menyiapkan persediaan agenda sidang kemuncak itu bersetuju isi-isu itu patut dielakkan.

Sumber itu berkata pegawai-pegawai Eropah itu akan memberitahu pemimpin mereka supaya tidak membangkitkan isu-isu sensitif yang mungkin akan mengendalakan sidang kemuncak itu nanti.

Permintaan Asia ini telah dibuat kepada pegawai-pegawai kanan Eropah oleh Thailand yang mewakili Asia pada perjumpaan di Rome itu. Eropah diwakili oleh Itali.

Isu-isu yang dianggap sensitif oleh Asia ialah bekas jajahan Portugis Timur Timor yang sekarang di bawah pemerintahan Indonesia, soal-soal hak asasi manusia dan pembalakan.

Menurut sumber itu Thailand telahpun memberitahu rakan-rakan Asianya mengenai hasil perjumpaan di Rome itu.

"Pihak Eropah menyambut baik permintaan Asia supaya isu-isu itu tidak dibangkitkan pada sidang kemuncak itu untuk meluangkan lebih masa kepada pemimpin-pemimpin Asia-Eropah membincangkan hal-hal yang lebih berfaedah kepada semua," kata sumber itu.

Sumber itu berkata Eropah juga bersetuju dengan permintaan Asia supaya mesyuarat peringkat menteri, sama ada menteri luar, ekonomi ataupun perdagangan tidak diadakan semasa sidang kemuncak itu oleh kerana masalah masa.

Asia telah mengadakan mesyuarat dua hari di Phuket awal bulan ini bagi membuat persediaan untuk sidang kemuncak itu.

Sumber itu berkata mesyuarat di Rome itu juga bersetuju dengan senarai agenda yang akan dibincangkan oleh para pemimpin di sidang kemuncak itu.

Seramai 25 orang pemimpin Eropah dan Asia akan bersemuka buat pertama kalinya menandakan era baru dalam kerjasama dua rantau yang akan memberi laluan kepada peluang-peluang pasaran Asia dan juga memperbaiki kedudukan ekonomi Eropah yang menurun.

Pada sidang kemuncak itu Asia akan diwakili ketujuh-tujuh negara anggota Asean -- Brunei, Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam

-- dan China, Jepun dan Korea Selatan.

Kesatuan Eropah mengandungi Austria, Belgium, Denmark, Finland, Perancis, Jerman, Greece, Ireland, Itali, Luxembourg, Belanda, Portugal, Sepanyol, Sweden dan Britain.

Eropah mulanya dilaporkan hendak membangkitkan isu-isu sensitif pada sidang kemuncak itu terutamanya mengenai hak asasi manusia, tetapi Asia berpendapat isu-isu itu hanya akan mengganggu perjalanan sidang.

Mesyuarat menteri-menteri luar Asia di Phuket itu juga bersetuju supaya isu-isu sensitif dibincangkan pada forum lain, bukan dalam ASEM.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah berkata bulan lepas beliau mungkin akan membangkitkan isu ujian nuklear Perancis di Mururoa dan Fangataufa di Pasifik Selatan pada sidang kemuncak itu. -- Bernama.

ARA WAT AHH